

P.U. (A) 69/2006

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 4) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(5) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 4) 2006**.

Pindaan Jadual 4

2. Jadual 4 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda di perenggan 12—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau” selepas perkataan “bank pembangunan pelbagai hala” dengan koma; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “institusi kewangan pelbagai hala” perkataan “, kerajaan asing atau perbadanan yang dijamin atau dikawal oleh kerajaan asing”.

Dibuat 22 Februari 2006

[KK/BPKA/K2/(S)/483/1/5; PN(PU²)523/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua